



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN



KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor - kontraktor yang Berdaftar di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) / PUKONSA di daerah Kudat, Sabah sahaja dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL SEBUT HARGA	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT	GRED, KATEGORI & PENGKhususan/ KELAS	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA SEBUT HARGA DITUTUP
Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Plaza Permata (IGB), Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak 50400 KUALA LUMPUR	No. Sebut Harga : JLN/SH/05/2019 Tajuk Projek: KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH (SOIL INVESTIGATION) DAN UJIAN MAKMAL BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN TAMAN AWAM KUDAT, SABAH	Bumiputera Syarikat 100% milik tempatan	i. Berdaftar dengan CIDB - Gred G1, Kategori CE12 Atau ii. PUKONSA Kategori : Kepala IV, Sub Kepala 7 (b) *Sila bawa salinan sijil dan cop syarikat	Lembaga Bandaran Kudat Peti surat 201, 89057, Kudat Sabah. Tarikh : 19 Mac 2019 (Selasa) Waktu: Selepas Lawatan Tapak Harga : Percuma	Percuma	Lembaga Bandaran Kudat Peti surat 201, 89057, Kudat Sabah. Tarikh Tutup Sebut Harga: 27 Mac 2019 (Rabu) Waktu: 12.00 tengah hari

TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN

Tempat Dan Tarikh Melapor Diri Bagi Lawatan Tapak:

19 Mac 2019 (Selasa) jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat, Lembaga Bandaran Kudat, Sabah.

Kenderaan tidak disediakan pada waktu lawatan tapak.

PERINGATAN :

Sebut Harga ini mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau Sijil Pendaftaran Kontraktor – Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak, wakil adalah TIDAK dibenarkan. Sila bawa bersama SIJIL ASAL dan Salinan Pendaftaran PPK, Sijil Taraf Bumiputera, dan PUKONSA semasa taklimat dan lawatan tapak. Tarikh laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebut harga. Dokumen Sebut Harga tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak yang telah ditetapkan.

Penyebut Harga TIDAK DIBENARKAN untuk menyertai taklimat sebut harga dan seterusnya menyertai sebut harga ini sekiranya Penyebut Harga didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan semasa taklimat tapak diadakan. Mana – mana Penyebut Harga yang mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Di Luar Bidang Pengkhususan" atau surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga bagi Gred yang lebih tinggi / rendah" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah TIDAK DITERIMA.

**SILA BAWA COP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENDAFTARAN SEMASA TAKLIMAT TAPAK
DIJALANKAN.**

1. Dokumen Sebut Harga boleh didapatkan di **Lembaga Perbandaran Kudat** pada waktu pejabat mulai **19 Mac 2019 (Selasa)**.
2. Kehadiran Taklimat dan Lawatan tapak adalah **diwajibkan** dan hanya **dua (2) orang wakil** bagi setiap kontraktor sahaja dibenarkan masuk ke dalam bilik taklimat.
3. **Sijil Pendaftaran** dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** atau **PUKONSA** yang asal dan masih sah hendaklah **ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga** dan **salinan fotostat** hendaklah dikemukakan untuk simpanan Jabatan. **Dokumen Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak pada 19 Mac 2019.**
4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Lembaga Bandaran Kudat Peti surat 201, 89057, Kudat, Sabah** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 27 Mac 2019 (Rabu)** bagi **Sebut Harga No. JLN/SH/05/2019** dan Kementerian Wilayah Persekutuan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dikemukakan melalui pos. Kementerian Wilayah Persekutuan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
5. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat www.jln.gov.my dan web rasmi Kementerian Wilayah Persekutuan di alamat www.kwp.gov.my dan web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my.